

## SALAH FAHAM AMALAN SUMPAH: PERSAMAAN DAN PERBEZAAN SUMPAH DI DALAM MAHKAMAH DAN LUAR MAHKAMAH MALAYSIA

### ***MISCONCEPTIONS ABOUT THE PRACTICE OF OATHS: SIMILARITIES AND DIFFERENCES BETWEEN JUDICIAL AND NON-JUDICIAL OATHS IN MALAYSIA***

<sup>i,ii,\*</sup>Wan Abdul Fattah Wan Ismail, <sup>i,ii</sup>Hasnizam Hashim, <sup>i,ii</sup>Zulfaqar Mamat, <sup>i,ii,iii,iv</sup>Ahmad Syukran Baharuddin,  
<sup>v</sup>Norma Jusof & <sup>i,ii</sup>Mohamad Aniq Aiman Alias

<sup>i</sup>Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai 71800 Nilai Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>ii</sup>Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai 71800 Nilai Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>iii</sup>International Advisory Board Member, Mejellat Al-Afaq wa Al-Maarif (JSKP), Faculty of Humanities, Islamic Sciences and Civilization, University Amar Telidji of Laghouat, BP 37G, Road of Ghardaia, 03000 Laghouat, Algeria

<sup>iv</sup>Associate Editor, Journal of Contemporary Maqasid Studies, Maqasid Institute, United States of America (USA)

<sup>v</sup>Kementerian Pendidikan Malaysia

\*Corresponding Author: [wanfattah@usim.edu.my](mailto:wanfattah@usim.edu.my)

### **ABSTRACT**

Oath-taking is a method of proof frequently employed in the Malaysian Syariah Courts, whether to affirm or deny a claim. Oaths are also a method of evidence unanimously recognized by scholars, akin to confession (*ikrar*) and testimony (*kesaksian*). Although the practice of oath-taking has long been established in Islamic legal texts and extensively discussed in classical and contemporary works, public understanding of judicial oaths (oaths taken in court) and non-judicial oaths (oaths taken outside of court) remains limited. Admittedly, there are certain similarities between judicial and non-judicial oaths. However, notable differences exist between the two. Non-judicial oaths cannot serve as a means of proof before a judge, even if their wording (*sighah*) is similar. In contrast, judicial oaths fundamentally serve as a method of evidence. Nonetheless, certain types of oaths in the Syariah Courts function only as a supporting tool to strengthen the judge's confidence, either in continuing the trial or in reaching a decision. This paper will focus on the concept of oaths, their wording (*sighah*), legal status (*hukum*), intention (*niyyah*), equivocation (*tawriah*), and expiation (*kafarah*). Additionally, it will compare the evidentiary strength of judicial and non-judicial oaths. This clarification aims to dispel misconceptions about the distinction between oaths taken inside and outside the court. While the two may appear '*similar*,' they are fundamentally '*different*,' particularly in terms of their evidentiary value.

**Keywords:** *Oath, yamin, evidence, court, and proof*

## Abstrak

Sumpah merupakan kaedah pembuktian yang sering digunakan dalam Mahkamah Syariah di Malaysia sama ada dalam mensabitkan atau menafikan sesuatu dakwaan. Sumpah juga merupakan kaedah pembuktian yang disepakati ulama secara umumnya sepetimana ikrar dan kesaksian. Sekalipun sumpah sudah lama termaktub dalam nas-nas syarie dan telah dibincangkan secara detail dalam kitab-kitab turath dan moden, namun pemahaman umum mengenai sumpah kehakiman (sumpah dalam mahkamah) dan biasa (sumpah luar mahkamah) masih lagi jauh. Tidak dinafikan terdapat di bahagian-bahagian tertentu persamaan di antara sumpah di dalam dan luar mahkamah. Namun dalam waktu yang sama terdapat juga jurang perbezaan agak ketara di antara kedua-duanya. Sumpah di luar mahkamah tidak dapat dijadikan kaedah pembuktian di hadapan hakim, sekalipun sifahnya hampir sama. Namun sumpah di dalam mahkamah secara asasnya dijadikan kaedah pembuktian. Walaupun begitu terdapat juga sebahagian sumpah dalam Mahkamah hanya berstatus sebagai kaedah pengukuhan iaitu untuk meyakinkan hakim sama ada meneruskan perbicaraan atau dalam membuat keputusan. Maka kertas kerja ini akan memfokuskan kepada konsep sumpah, sifah, hukum, niat, tawriah dan kafarah sumpah. Selain daripada itu terdapat perbandingan mengenai kekuatan sumpah di dalam atau di luar mahkamah sebagai kaedah pembuktian. Dengan penjelasan ini akan merungkaikan silap faham di antara sumpah di dalam mahkamah dan di luar Mahkamah. Sungguhpun kedua-dua kelihatan ‘*sama*’ namun hakikat sebenarnya ‘*tidak serupa*’ khususnya dari segi kekuatan dalam pembuktian.

**Kata Kunci:** Sumpah, yamin, keterangan, mahkamah dan pembuktian

### Pendahuluan

Sumah bukan suatu yang asing dalam kehidupan seharian kerana ia sering disebut sama ada dalam perbualan biasa, meyakinkan seseorang dalam memberi kenyataan dan juga dijadikan kaedah pembuktian dalam mahkamah (Wan Ismail et al., 2024). Keadaan ini menyebabkan terdapat sesetengah pihak menganggap sumah di dalam dan luar Mahkamah adalah sama sahaja khususnya dalam pembuktian. Terdapat pihak-pihak bersumpah di dalam masjid bagi menafikan penglibatan mereka atau menafikan tuduhan ke atas mereka bagi sesuatu isu. Selepas melaksanakan sumah tersebut, merasakan diri mereka sudah pun bebas dari tohmahan tersebut. Adakah pendapat itu merupakan suatu perkara yang betul?

Tidak kurang juga terdapat segolongan manusia yang cetek pengetahuan yang berlagak seperti mengetahui serba serbi. Namun hakikatnya mereka telah menzahirkan kejahilan dan kedangkalan mereka mengenai amalan sumah. Mereka telah menyalahkan Mahkamah Syariah khususnya kerana tidak mengambil sebarang tindakan terhadap sumah telah dilaksanakan oleh seseorang. Disebabkan perkara seperti inilah yang telah menggerakkan penulis untuk menghuraikan sedikit sebanyak mengenai persamaan dan perbezaan amalan sumah di dalam Mahkamah (sumah kehakiman) dan di luar Mahkamah. Perkara-perkara yang menjadi tumpuan penulis adalah berkenaan dengan konsep sumah seperti definisi dan pensyariatan sumah. Selain daripada itu penulis juga akan memberi tumpuan kepada *sifah* sumah, hukum, niat, *tawriah* dan kafarah sumah. Akhir sekali penulis akan membandingkan pembuktian melalui sumah yang telah dilaksanakan sama ada di dalam atau di luar mahkamah.

### Konsep Sumpah

Sumah dalam bahasa Arab ialah *yamin* yang bermaksud kanan atau bahagian kanan. Selain *yamin*, *al-halaf*, *al-istihlaf*, *al-Ila'* dan *al-qasam* juga memberi maksud sumah (al-Zubaidiyy, t.th & al-Qamus al-Muhit, 2005). Sumah merujuk kepada kanan kerana pada kebiasaananya bahagian kanan adalah bahagian yang gagah atau kuat berbanding bahagian kiri sama ada dari segi kekuatan, tenaga atau pangkat. Jika seseorang bersumpah bermakna ia ingin mengukuhkan atau menguatkan kata-kata dan ucapannya itu amat berbeza dengan ucapan-ucapan lain (Mahmud Saedon A. Othman, 1990).

Sumah secara umumnya merujuk kepada satu kenyataan yang kukuh terhadap sesuatu perkara sama ada secara lisan atau bertulis sama ada ia berkaitan dengan perkara-perkara yang lepas atau akan datang dengan menyebut sekurang-kurangnya salah satu nama Allah SWT atau sifat-Nya. (Ibn Nujaim, 1138h, al-Dusuqi, t.t, al-Syarbini 1994 & al-Bahutiyy, t.t) Menurut Imam al-Zarkhasyi (1993) pula, sumah disifatkan sebagai pengukuhan yang dibuat oleh seseorang mengenai sesuatu perkara dengan

menggunakan lafaz-lafaz tertentu. Sumpah juga boleh dikatakan sebagai mengukuhkan kenyataan yang tidak sabit kebenaran kandungannya dengan menyebut salah satu daripada nama-nama Allah s.w.t ataupun salah satu sifat-Nya dengan lafaz yang tertentu (Mustafa al-Khin & Dr Mustafa al-Bugho 1996). Definisi-definisi lebih bersifat umum dan dikategorikan sebagai sumpah bukan kehakiman atau sumpah di luar Mahkamah (*Yamin Ghair Qadha'iyyah*). Sumpah di luar mahkamah lebih kepada pengukuhan terhadap sesuatu perkara dengan menyebut nama Allah s.w.t atau sifat-sifat Allah tanpa mengaitkan kepada pembuktian.

Manakala sumpah dalam mahkamah juga mempunyai unsur-unsur sepetimana sumpah luar mahkamah seperti pengukuhan sesuatu perkara sama ada secara lisan atau tulisan dan mempunyai sekurang-kurangnya menyebut salah satu nama Allah SWT atau Sifat-Nya. Namun yang membeza di antara di dalam dan luar Mahkamah adalah mengaitkan dengan pembuktian. Maka sumpah dalam mahkamah (sumbah Kehakiman atau *Yamin Qadha'iyyah*) ialah pengukuhan terhadap sesuatu perkara tidak pasti sama ada telah berlaku pada masa lepas atau akan datang, dalam bentuk sabitan atau penafian dan ia dilaksanakan di hadapan Hakim (al-Qilyubiyy wa Umairah, 1995 & Zuhaily, Muhammad, 1997). Maka sumpah dalam Mahkamah merupakan satu pengukuhan terhadap sabitan atau penafian sesuatu hak dengan bersaksikan Allah s.w.t dan ia dilaksanakan di hadapan hakim (al-Zuhaily, Muhammad 1994). *Majallah Ahkam al-Adliyyah* menyatakan bahawa sumpah kehakiman ialah lafaz yang diucapkan oleh salah seorang daripada dua pihak yang bertelingkah dengan menyebut nama Allah s.w.t di hadapan hakim atau naibnya. Menurut Amalan Sumpah Mahkamah Syariah Malaysia 2006, sumpah kehakiman atau disebut sebagai ‘Sumbah Syarie’ ditakrif sebagai “suatu perkataan yang disertakan dengannya nama Allah atau sifat-Nya, dilafazkan untuk menegaskan atau menafikan sesuatu hak atau fakta di dalam prosiding kehakiman”.

Di sini jelas menunjukkan terdapat persamaan dan perbezaan di antara definisi sumpah di dalam dan di luar mahkamah. Persamaan yang dimaksudkan adalah kedua-duanya merujuk pengukuhan kenyataan yang dibuat dengan menyebut sekurang-kurang salah satu nama Allah SWT dan sifat-Nya. Namun yang menjadi perbezaan di antara kedua-duanya, sumpah dalam mahkamah dijadikan kaedah pembuktian dan perlu dilaksanakan di hadapan Hakim dengan arahannya. Manakala sumpah luar mahkamah tidak dapat dijadikan kaedah pembuktian kerana ia tidak dilaksanakan di Mahkamah dan bukan dari arahan Hakim.

### Dalil Pensyariatan Sumpah

Pada asasnya terdapat dalil umum yang melibatkan sumpah di dalam dan luar mahkamah secara serentak serta dalil khusus hanya kepada sumpah di dalam mahkamah. Terdapat banyak dalil-dalil umum pensyariatan kedua-dua sumpah ini sama ada di dalam al-Qur'an dan sunah. Antaranya firman Allah SWT:

﴿لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّغْوِ فِي إِيمَانِكُمْ وَلَكُنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَقَدْتُمُ الْأَيْمَانَ﴾

Terjemahan: Allah tidak menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpah mu yang tidak dimaksudkan (untuk bersumpah), tetapi dia menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpah yang kamu sanggakan.

(Al-Qur'an. Surah al-Maidah, 5:89)

Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah, 5:89:

﴿وَاحْفَظُوهُ أَيْمَانَكُمْ﴾

Terjemahan: Dan jagalah – peliharalah sumpah kamu.

(Al-Qur'an. Surah al-Maidah, 5:89)

Terdapat beberapa nas sahih yang menunjukkan Rasulullah SAW sendiri pernah melaksanakan sumpah. Seorang wanita telah disabitkan kesalahan mencuri, maka kaum keluarga wanita tersebut telah datang berjumpa dengan Usamah ibn Zaid r.a. agar beliau meminta Rasulullah SAW syafaat daripada dijatuhan hukuman potong tangan. Lalu Baginda SAW bersabda:

وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ، لَوْ أَنَّ فَاطِمَةَ بْنَتَ مُحَمَّدٍ سَرَقَتْ لَقْطَعَتْ يَدَهَا

Terjemahan: Demi Muhammad di tangan-Nya, kalaularah Fatimah binti Muhammad mencuri, nescaya akan aku potong tangannya.

(al-Bukhari, 1407, Hadis: 3475)

Rasulullah SAW juga bersabda:

يَا أُمَّةَ مُحَمَّدٍ وَاللَّهُ لَوْ تَعْلَمُونَ مَا أَعْلَمُ لَضَحِحَّتُمْ قَلِيلًا وَلَبَكَيْتُمْ كَثِيرًا

Terjemahan: Ketika Rasulullah SAW berkhutbah) wahai umat Muhammad, demi Allah kalaularah kamu tahu apa yang aku ketahui nescaya kamu akan dapatku kamu akan amat sedikit ketawa dan sebaliknya kamu akan banyak menangis.

(al-Bukhari, 1407. Hadis: 1044)

Kesemua dalil-dalil di atas menunjukkan pensyariatan sumpah sama ada pemakaianya di dalam atau di luar mahkamah. Walaupun begitu kesemua dalil-dalil sebelum ini hanya bersifat umum iaitu dan tidak memfokuskan kepada pembuktian. Walaupun begitu terdapat hadith yang menghususkan sumpah untuk pembuktian di dalam Mahkamah. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

لَوْ يُعْطَى النَّاسُ بِدَعْوَاهُمْ، لَأَدْعَى نَاسٌ دِمَاءَ رِجَالٍ وَأَمْوَالَهُمْ، وَلَكِنَّ الْيَمِينَ عَلَى الْمُدَّعَى عَلَيْهِ

Terjemahan: Seandainya setiap pengaduan manusia diterima, nescaya setiap orang akan mengadukan harta suatu kaum dan darah mereka kerana itu (agar tidak terjadi hal tersebut) maka bagi pendakwa agar mendatangkan bukti dan sumpah bagi yang mengingkarinya.

(Muslim. t.th. Hadis: 1711)

### **Persamaan dan Perbezaan Sumpah di Dalam dan Luar Mahkamah**

#### **Sighah Sumpah**

Pada asasnya sighah sumpah di luar Mahkamah dan dalam Mahkamah adalah sama sahaja sama dari segi huruf-huruf sumpah dan juga digabungkan dengan Nama-Nama Allah SWT dan juga Sifat-SifatNya. Amalan 7(e) dalam Amalan Sumpah Mahkamah Syariah 2006 menyatakan, “*lafaz sumpah hendaklah dimulakan dengan Wallahi, Wabillahi, Wa Tallahi atau sifat-sifat Allah dan dibuat di dalam bentuk yang tegas dan jelas berhubung dengan sesuatu tuntutan atau penafian*”.

Kaedah fiqh ada menyatakan:

الْأَصْلُ أَنْ تَكُونَ الْيَمِينَ بِاللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى

Terjemahan: Asal perlaksanaan sumpah adalah dengan nama Allah SWT.

(Ibn Qudamah, 1994)

*Sighah* sumpah yang terdiri dari lafadz Allah s.w.t atau nama-namaNya, atau sifat-sifatNya hendaklah digabungkan antara huruf dan lafadz sumpah (*al-Mahluf bihi*). Sumpah di luar dan di dalam mahkamah adalah sama sahaja dari segi huruf dan lafadznya melainkan. Namun sumpah dalam mahkamah perlu dilaksanakan sumpah *taghliz* dalam keadaan-keadaan tertentu dan tidak akan dibincangkan di sini. Terdapat tiga huruf sumpah atau dikenali juga sebagai huruf *al-Qasam* sama ada ia melibatkan sumpah

biasa atau sumpah di dalam mahkamah iaitu *baa'* (ب), *taa'* (ت) dan juga *wau* (و). Lafaz sumpah akan diletakkan selepas huruf-huruf sumpah. Huruf sumpah yang paling banyak digunakan di dalam sumpah adalah *wau* (و). Antara contoh-contoh huruf dan lafaz sumpah yang terdapat di dalam al-Quran adalah seperti:

﴿فَوَرَّتِ السَّمَاءُ وَالْأَرْضُ إِنَّهُ لَحُقُّ مِثْلِ مَا أَنْكُمْ تَنْطِقُونَ﴾

Terjemahan: Maka demi Tuhan langit dan bumi, sesungguhnya (apa yang tersebut) itu tetap benar, (tidak patut diragu-ragukan) sebagaimana (tidak sepatutnya diragukan) benarnya kamu dapat berkata-kata.

(Al-Quran. Surah al-Zaariyat, 51:23)

Berdasarkan huraian di atas, *sighah* sumpah dari segi huruf *qasam* (و ب ت) yang digabungkan dengan nama-nama Allah SWT dan sifat-sifatNya adalah sama sahaja di antara sumpah dilaksanakan di luar dan juga di dalam mahkamah. Cuma berkaitan dengan *taghliz* (pemberatan) sumpah di dalam Mahkamah terdapat perbincangan khusus mengenai perlaksanaannya yang tidak akan dibincangkan di sini.

### ***Niat dan Tauriah sumpah***

Sumbah di luar Mahkamah berpandukan kepada niat dan hasrat orang yang bersumpah itu secara seratus peratus. Hanya orang bersumpah mengetahui apa yang tersurat dan tersirat di sebalik sumpahnya itu. Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرٍ مَا نَوَى

Terjemahan: Sesungguhnya amalan bergantung kepada niat, dan setiap amalan seseorang itu (diterima atau ditolak) dilihat kepada apa yang telah diniatkan nya.

(al-Bukhari. 1407, Hadis: 1)

Berlainan dengan sumpah dalam Mahkamah (*al-Yamin al-Qadha'iyyah*), ia dilaksanakan atas arahan dan kehendak hakim. Maka hanya hakim sahaj yang maklum mengenai tujuan sumpah dibuat. Maka *tauriah* (*sighah zahir* berlainan dengan niat dan hasrat di hati pihak yang bersumpah) tidak diterima kerana ia merupakan sumpah atas arahan hakim dan berbeza dengan sumpah di luar mahkamah kerana ia dibuat atas kerelaan sendiri. Sumpah di mahkamah bertujuan untuk menyelesaikan perbalahan. Maka sudah tentulah niat sumpah semestinya berpandukan niat hakim yang memerintah sumpah itu dilaksanakan. Sekiranya *tauriah* dibenarkan ketika sumpah dilaksanakan di mahkamah, maka matlamat pelaksanaan sumpah bagi menyelesaikan pertelingkahan tidak akan tercapai. Kaedah Fiqh ada menyatakan:

المُسْتَحْلِفُ نِيَةً عَلَى الْقَضَائِيَّةِ الْيَمِينِ

Terjemahan: Sumpah kehakiman bergantung kepada niat pihak yang mengarahkan sumpah itu dilaksanakan.

Kaedah ini bersandarkan kepada sabda Rasulullah SAW:

الْيَمِينُ عَلَى نِيَةِ الْمُسْتَحْلِفِ

Terjemahan: Sumpah (di dalam mahkamah) merujuk kepada niat orang yang meminta seseorang itu bersumpah (hakim).

(Muslim. t.th. Hadis: 1653)

صَاحِبُكَ بِهِ يُصَدِّقُكَ مَا عَلَىٰ يَمِينِكَ

Terjemahan: Sumpah mu haruslah apa yang dibenarkan oleh teman mu.

(Ibn Majah. Hadis: 2121)

Imam al-Nawawi (1392h) menyatakan, “apabila seseorang menuntut sesuatu hak ke atas orang lain, kemudiannya hakim meminta pihak-pihak tertentu untuk bersumpah dan dia bertauiyah dalam sumpahnya, maka tauriahnya itu tidak memberi kesan. Kerana sumpah kehakiman berdasarkan niat hakim atau naibnya, atau pihak-pihak yang berautoriti untuk arahkan sumpah dilaksanakan. Bahkan hukum ini merupakan ijmak para ulama”. Namun, terdapat pengecualian kepada kaedah ini iaitu jika hakim yang memerintah sumpah tersebut adalah seorang yang zalim dan kesan sumpah tersebut mungkin membawa kemudarat ke atas dirinya atau orang lain.

### **Kafarah Sumpah Palsu (Ghamus)**

Oleh kerana sumpah dengan nama Allah SWT adalah merupakan suatu perkara yang besar, maka Allah SWT telah menetapkan peraturan yang amat tegas. Ketetapan ini untuk menjaga keagungan Allah SWT dan memuliakan amalan sumpah dengan menggunakan nama-Nya. Maka syarak telah mewajibkan kafarah bagi sesiapa yang melanggar sumpahnya. Kafarah sumpah ini adalah boleh memberi makan, memberi pakaian, atau memerdekaan seorang hamba. Sesiapa yang tidak boleh memberi makan, memberi pakaian, atau memerdekaan seorang hamba hendaklah berpindah ke tahap kafarah kedua, iaitu berpuasa selama tiga hari. (al-Husayni. 1414h)) Perkara ini dinyatakan dengan jelas sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 89:

﴿فَكَفَارَتُهُ إِطْعَامُ عَشَرَةِ مَسَاكِينَ مِنْ أُوسَطِ مَا تُطْعِمُونَ أَهْلِكُمْ أَوْ كِسْوَتُهُمْ أَوْ تَحْرِيرُ رَقَبَةٍ﴾

Terjemahan: Maka bayaran dendanya ialah memberi makan sepuluh orang miskin dari jenis makanan yang sederhana yang kamu (biasa) berikan kepada keluarga kamu, atau memberi pakaian untuk mereka, atau memerdekaan seorang hamba. Kemudian sesiapa yang tidak dapat (menunaikan denda yang tersebut), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari.

(Al-Quran. Surah al-Maidah, 5:89)

Walaupun begitu, para ulama berselisih pendapat mengenai sumpah *Ghamus* di dalam mahkamah. Walaupun begitu, para ulama berselisih pendapat mengenai sumpah *Ghamus* di dalam mahkamah. Menurut Jumhur ulama yang terdiri daripada Malik, al-Auza'i, al-Thauri, Abu Hanifah dan Ibn Hanbal, sumpah *Ghamus* merupakan satu dosa besar dan wajib ke atas pelaku bertaubat dan memohon keampunan daripada Allah s.w.t. Mereka yang bersumpah *Ghamus* tidak menggugurkan dosanya dengan hanya kafarah, sebaliknya perlu bertaubat kerana dosanya amat berat sekali (al-Samarqandi, 1994, al-Sawiyy, t.t., al-Mardawiyy, t.t. 11:16 & Ikrimah, 2009: 216). Sumpah *Ghamus* tidak terangkat dengan hanya membayar kafarah kerana dosanya amat besar dan berat. Kesan sumpah *Ghamus* bukan setakat memberi kesan terhadap diri orang bersumpah, bahkan musibah lebih besar terhadap pihak lain. Pandangan jumhur ini bersandarkan kepada nas-nas syarak iaitu:

Rasulullah SAW bersabda:

«مَنْ حَلَفَ عَلَىٰ يَمِينٍ يَقْتَطِعُ بِهَا مَا لَأَمْرَيْتُ مُسْلِمًا، هُوَ عَلَيْهَا فَاجِرٌ، لَقِيَ اللَّهَ وَهُوَ عَلَيْهِ عَذَابٌ»  
 فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَىٰ: «إِنَّ الَّذِينَ يَشْتُرُونَ بِعَهْدِ اللَّهِ وَآتَاهُمْ ثُمَّا قَاتَلُوا

Terjemahan: Sesiapa yang bersumpah atas harta seseorang dengan tidak sebenar / tanpa haknya / tipu daya, sedangkan dia dari pihak yang tidak benar, maka dia akan menemui Allah dalam keadaan Allah murka terhadapnya.” `Abdullah berkata: “Kemudian Rasulullah SAW membacakan kepada kami kebenarannya daripada kitab Allah SWT.

﴿إِنَّ الَّذِينَ يَشْتَرُونَ بِعَهْدِ اللَّهِ وَأَيْمَانِهِمْ ثُمَّنَا قَلِيلًا﴾

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang menjual beli janji Allah dan sumpah mereka dengan harga yang sedikit).

(Al-Quran. Surah Al-Imran, 3: 77)

Sabda Rasulullah SAW:

الْكَبَائِرُ : إِلَيْهِ شَرُكٌ بِاللَّهِ، وَعُقُومُ الْوَالِدَيْنِ، وَقَتْلُ النَّفْسِ، وَالْيَمِينُ الْعَمُوسُ

Terjemahan: Dosa besar adalah menyekutukan Allah, derhaka kepada kedua orang tua, membunuh manusia, dan al-yamin al-Ghamus.

(Al-Nasa'i, 1986, Hadis 7: 89)

Manakala menurut Syafie, salah satu daripada pandangan Imam Ahmad, Ibn Hazm dan lain-lain lagi menyatakan bahawa sumpah *Ghamus* wajib dikenakan kafarah. Setelah dibayar kafarah maka dosa sumpah *Ghamus* akan gugur sepetimana dosa sumpah-sumpah lain (al-Ghazaliyy, 1417. 7: 203 & Ibn Qudamah, 1994. 4: 187). Hujah bagi pandangan ini berdasarkan firman Allah SWT:

﴿لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِالْغُوْرِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمُ بِمَا عَدَدْتُمُ الْأَيْمَانَ﴾

Terjemahan: Kamu tidak dikira salah oleh Allah tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan (untuk bersumpah), akan tetapi kamu dikira salah oleh-Nya dengan sebab sumpah yang sengaja kamu buat dengan bersungguh-sungguh.

(Al-Quran. Surah Al-Ma'idah, 5: 89)

Ayat ini bersifat umum, tanpa mengira ia sumpah palsu atau *mun'qidah*. Apabila seseorang itu berniat untuk bersumpah dan tidak menunaikan sumpahnya atau bersumpah palsu sama ada bagi perkara yang telah, sedang atau akan berlaku. Kerana dalam konteks ini, sumpah *Ghamus* termasuk dalam sumpah *mua'qidah* apabila ia telah memenuhi syarat sumpah yang telah ditetapkan oleh syarak. Sekalipun sumpah *Ghamus* tergolong dalam dosa besar, namun ia tetap perlu kepada kafarah untuk menggugurkan dosa daripada pembuatnya.

Setelah diteliti daripada kedua-dua pandangan, sumpah palsu sumpah *Ghamus* tidak boleh dilepaskan dosanya dengan hanya membayar kafarah kerana kesalahan yang teramat berat. Sumpah tersebut menyebabkan hakim telah membuat keputusan yang zalim terhadap pihak lain. Sekiranya sumpah *Ghamus* dapat dilepaskan dosanya dengan kafarah, maka akan ramailah orang sanggup bersumpah demi meraikan keuntungan diri sendiri sekalipun orang lain menderita. Sabda Rasulullah SAW:

لَوْ يُعْطَى النَّاسُ بِدَعْوَاهُمْ، لَادَعَى نَاسٌ دِمَاءَ رِجَالٍ وَأَمْوَالَهُمْ، وَلَكِنَّ الْيَمِينَ عَلَى الْمُدَّعَى عَلَيْهِ

Terjemahan: Seandainya setiap pengaduan manusia diterima, nescaya setiap orang akan mengadukan harta suatu kaum dan darah mereka kerana itu (agar tidak terjadi hal tersebut) maka bagi pendakwa agar mendatangkan bukti dan sumpah bagi yang mengingkarinya”.

(Muslim. t.th., Hadis, 3: 1336)

Oleh yang demikian, sumpah *Ghamus* tidak akan terhapus dengan hanya membayar kafarah, sebaliknya perlu mengembalikan hak orang yang telah diambil melalui sumpah tersebut. Selain itu juga, orang bersumpah *Ghamus* perlu bertaubat kepada Allah s.w.t dengan taubat *nasuha* atas perbuatannya itu.

### **Pembuktian Melalui Sumpah**

Sumpah di luar Mahkamah semata-mata untuk mengukuhkan kenyataan dan keazaman dalam melakukan atau meninggalkan sesuatu perkara. Ia dilakukan dengan sukarela tanpa terikat dengan arahan mana-mana pihak. Sumpah luar mahkamah sememangnya tidak dapat dijadikan sebagai kaedah pembuktian. Berbeza dengan sumpah di dalam mahkamah, ia dilaksanakan dengan perintah mahkamah dan terikat dengan matlamat dan kehendak hakim yang memerintahkannya. Maka sudah tentu sumpah dalam mahkamah dapat dijadikan kaedah pembuktian dan ia disepakati oleh para ulamak. Terdapat nas-nas yang secara khusus menyatakan bahawa pensyariatan sumpah dalam mahkamah atau sebagai salah satu kaedah pembuktian dalam mahkamah. Sabda Rasulullah SAW:

لَوْ يُعْطَى النَّاسُ بِدَعْوَاهُمْ، لَادَعَى نَاسٌ دِمَاءَ رِجَالٍ وَأَمْوَالَهُمْ، وَلَكِنَّ الْيَمِينَ عَلَى الْمُدَّعِي عَلَيْهِ

Terjemahan: Seandainya setiap pengaduan manusia diterima, nescaya setiap orang akan mengadukan harta suatu kaum dan darah mereka kerana itu (agar tidak terjadi hal tersebut) maka bagi pendakwa agar mendatangkan bukti dan sumpah bagi yang mengingkarinya.

(Muslim. t.th. Hadis: 1711)

أَنَّ الْبَيْنَةَ عَلَى الْمُدَّعِي، وَالْيَمِينَ عَلَى الْمُدَّعِي عَلَيْهِ

Terjemahan: Sesungguhnya keterangan perlu dikemukakan oleh pihak yang mendakwa (mudda'i), dan sumpah bagi pihak yang didakwa (mudda'a alaih).

(Tarmizi, 1975, Hadis: 1342)

### **Sumpah Tidak Menerima Perwakilan**

Sumpah tidak menerima sebarang bentuk perwakilan dan pergantian kepada pihak lain, bahkan perlu dilaksanakan sendiri oleh pihak yang dikehendaki bersumpah sama ada sumpah di luar mahkamah atau dalam mahkamah. Kaedah fiqh ada menyatakan:

النِّيَابَةُ لَا تَحْرِي فِي الْيَمِينِ

Terjemahan: Pergantian (perwakilan) tidak berlaku dalam perlaksanaan sumpah.

(Ibn Abidin, 1995)

لَا يَحْلِفُ أَحَدٌ بِعَيْرِهِ

Terjemahan: Seseorang itu tidak boleh bersumpah untuk orang lain.

(Ibn Qudamah, 1994)

### **Arahan untuk Bersumpah**

Tiada sesiapa pun yang boleh mendesak seseorang itu bersumpah di luar mahkamah kerana ia perlu dibuat secara sukarela melainkan dengan arahan mahkamah. Manakala di dalam mahkamah, hakim boleh memerintahkan defendant untuk bersumpah sekiranya pihak plantif gagal mengemukakan bukti untuk menyokong dakwaannya. Sekiranya pihak defendant enggan bersumpah, maka sumpah tersebut akan dipulangkan kepada pihak plantif (Sumpah *Mardudah* atau sumpah *Munqalibah*). Jika plantif bersumpah maka, mahkamah akan membuat keputusan memihak kepada plantif. Kerana mahkamah menganggap keengganan (*nukul an Yamin*) pihak defendant bersumpah seolah-olah mengakui tuduhan yang dilemparkan terhadapnya. Dalam sebuah hadith yang telah diriwayatkan oleh Anas Ibn Malik r.a., Rasulullah SAW bersabda kepada kaum Ansar berkaitan dengan *qasamah* dalam kes pembunuhan Abdullah ibn Sahal. Maka Rasulullah SAW bersabda kepada Huwayishah, Muhayishah dan Abdurrahman:

أَتَحْكِمُونَ وَتَسْتَحْكِمُونَ دَمَ صَاحِبِكُمْ؟ قَالُوا: لَا قَالَ فَتَخَلَّفُ لَكُمْ يَهُوذٌ

Terjemahan: Apakah kamu mahu bersumpah, dan setelah itu kamu berhak atas diyat saudara kamu yang terbunuh?" mereka menjawab, "Tidak." Beliau bersabda: "Orang-orang Yahudi telah bersumpah atas kamu".

(Muslim, t.th. Hadis: 1669)

Kaedah fiqh ada menyatakan:

إِذَا نَكَلَ الْمَدْعُى عَلَيْهِ رَدَتِ اليمين عَلَى الْمَدْعُى وَلَا يَحْكُمُ بِمَجْرِدِ النَّكُولِ

Terjemahan: Apabila *mudda'a alaih* enggan bersumpah hendaklah sumpah dikembalikan kepada *mudda'i* dan jangan dijatuhkan hukuman semata-mata keengganan *mudda' alaih*.

(Al-Suyuti, 1990)

## Penutup

Sumbah di dalam mahkamah dan luar mahkamah dilihat seakan-akan sama. Sememangnya tidak dinafikan terdapat persamaan di antara kedua sumbah tersebut. Namun persamaan tersebut hanya melibatkan beberapa item sahaja seperti maksud sumpah untuk pengukuhan terhadap kenyataan yang dibuat, huruf-huruf *qasam* (sumbah) dan keperluan menggabungkan dengan nama-nama Allah SWT atau sifat-sifatNya. Namun jika dibuat kajian secara mendalam, terdapat perbezaan ketara di antara sumbah yang dilaksanakan di dalam mahkamah dan luar Mahkamah. Di antaranya niat sumpah, yang mana sumbah di luar mahkamah bergantung niat kepada pihak bersumpah, manakala di dalam mahkamah bergantung kepada niat Hakim. Perbezaan yang paling ketara adalah, sumbah di dalam mahkamah dapat dijadikan kaedah pembuktian dan menjadikan hujah kepada hakim dalam alasan penghakiman. Manakala sumbah di luar mahkamah sekadar untuk mengukuhkan kenyataan yang dibuat untuk diri sendiri atau meyakinkan orang lain bagi yang ingin mempercayainya. Selain itu sumbah di luar mahkamah tidak mempunyai nilai pembuktian sama sekali sama ada untuk sabitan atau penafian sesuatu perkara.

## Penghargaan

Penghargaan kepada pihak Universiti Sains Islam Malaysia khususnya Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi Usim kerana telah meluluskan Geran Biduni Mizanniyyah yang bertajuk: "Model Keutuhan Pembuktian E-Dokumen Dalam Kes-Kes Mal Di Mahkamah Syariah Malaysia". No Fail Penyelidikan: PPPI/BM/FSU/USIM/113323.

## Rujukan

Al-Quran.

Abu Faris, M. A. (1998). *Kitab al-Aiman wa al-Nuzur*. 'Amman: Dar al-Qalam.

Al-Bahutiyy, M. I. I. Y. al-Hanbali. (n.d.). *Kassyaf al-Qina' ala Matn al-Iqna'*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Baihaqi, A. B. A. H. ibn A. (1355 H). *Al-Sunan al-Kubra*. Hind: Majlis Daerah al-Ma'arif al-Nizamiyyah al-Ka'inah.

Al-Bukhari, A. A. M. I. (1407 H). *Sahih al-Bukhari*. *Kitab al-Syahadah* (3rd ed.). Beirut: Dar al-Fikr wa al-Yamamah.

Al-Dusuqi, M. I. A. al-Dusuqi al-Malikiyy. (n.d.). *Hasyiah al-Dusuqi ala al-Syarh al-Kabir*. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Fairuz Al-Abadiyy, M. Y. (2005). *Al-Qamus al-Muhit*. Beirut: Muasasah al-Risalah.

Al-Husaini, T. A. B. A. Al-Dimasyqi Al-Syafei. (1414 H). *Kifayah Al-Akhyar Fii Halli Ghayah Al-Ikhsar*. Beirut: Dar Al-Khair.

Ali Haidar. (1930). *Durar al-Hukkam fii Syarh Majallah al-Ahkam*. Ghazzah: Matb'bah Ghazzah.

Al-Jurjaniyy, A. M. I. A. al-Zain al-Syarif. (1983). *Kitab al-Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Nawawi, I. A. Z. M. I. S. (1996). *Al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Beirut: Dar al-Fikr.

- Al-Nawawi, I. A. Z. M. I. S. (n.d.). *Sharh Imam Muslim al-Imam al-Nawawi*. Beirut: Dar Ma'rifah.
- Al-Qilyubiyy, A. S., & Umairah, A. al-Barlasiyy. (1995). *Hasyiah al-Qilyubiyy wa Umairah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Sarkhasiyy, A. B. M. I. A. (1993). *Al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Subki, T. A. W. T. (1991). *Al-Asybah wa al-Naza'ir*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Suyuti, A. R. B. A. B. (1990). *Al-Asybah wa Al-Naza'ir*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Syarbiniyy, S. M. I. A. (1994). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Manhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Syiraziyy, A. I. I. A. al-Firuz Abadiy. (1995). *Al-Muhazzab fi al-Fiqh al-Imam al-Syaf'i*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Tarmizi, M. I. I. S. (1975). *Sunan al-Tarmizi*. Al-Qaherah: Mustafa al-Bab al-Halabiyy.
- Al-Zarkhasiyy, M. I. A. al-Zarkhasiyy al-Misriyy al-Hanbali. (1993). *Syarh al-Zarkhasi*. T.tp: Dar al-Abikan.
- Al-Zubaidiyy, M. I. M. I. A. al-Husainiyy. (n.d.). *Taj al-Arus min al-Jawahir al-Qamus*. T.tp: Dar al-Hidayah.
- Al-Zuhailiy, M. (1994). *Wasa'il al-Ithbat fī al-Syarīrah al-Islāmiyah wa Mu'amalat al-Madāniyah wa al-Ahwāl al-Syakhsyāh*. Riyadh: Maktabah al-Mu'ayad.
- Al-Zuhailiyy, W. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damsyiq: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Ibn Abidin. (1995). *Hasyiah Radd al-Mukhtar 'ala al-Dur al-Mukhtar Syarh Tanwir al-Absar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Hazm, A. M. I. A. I. H. al-Andalusiy. (n.d.). *Al-Muhalla bi al-Athar Syar al-Majalla bi al-Ikhtisar*. Damsyiq: Idarah al-Thiba'ah al-Muniriyyah.
- Ibn Majah. (2000). *Sunan Ibn Majah bi Syarh Abu al-Hassan al-Hanafi al-Ma'ruf bi al-Sindi* (2nd ed.). Beirut: Dar al-Ma'rifat.
- Ibn Manzur, M. I. M. I. M. al-Misriy. (1968). *Lisan al-'Arab*. Beirut: al-Maktabah al-Markaziyyah.
- Ibn Nujaim, Z. I. I. M. (1138 H). *Takmilah al-Bahr al-Raiq*. T.tp: Dar al-Kitab al-Islamiyy.
- Ibn Qudamah, A. B. A. B. M. I. Q. al-Maqdasiyy. (1994). *Al-Kafii fii Fiqh al-Imam Ahmad*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ikrimah Sa'id Sabri. (2009). *Al-Yamin fi al-Qada' al-Islamiy*. Amman: Dar al-Nafa'is.
- Mahmud Saedon A. Othman. (1990). *Undang-Undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Solih Madkur. (n.d.). *Al-Qadha' fi al-Islam*. T.tp.
- Muslim, I. H. (n.d.). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabiyy.
- Mustafa al-Khin & Mustafa al-Bugho. (1996). *Al-Fiqh al-Manhaji*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, & Zulkifi Hasan. (2007). *Konsep Al-Yamin (Sumpah) Dan Perlaksanaannya Di Mahkamah Syariah*.
- Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Abdul Mutalib, L., Hashim, H., Mamat, Z., Jusof, N., & Alias, M. A. A. (2024). Kedudukan Sumpah Nafyi Al-'ilmi Dalam Undang-Undang Keterangan Islam Dan Praktisnya Di Mahkamah Syariah : The Position Of The Oath Of Nafyi Al-'Ilmi In The Islamic Law Of Evidence And Its Practice In The Shariah Court. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(4), 11–19. Retrieved from <https://al-qanatir.com/aq/article/view/934>